

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
(WANGSA MAJU)**

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jenayah indeks dan jenayah bukan indeks :-

(a) mengikut negeri; dan

(b) kawasan Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Statistik Jenayah Indeks merupakan petunjuk utama situasi jenayah semasa negara. Bagi maksud “Jenayah Indeks”, adalah jenayah yang kerap dilaporkan dan mempunyai signifikasi yang memadai untuk dianggap sangat mustahak sebagai petunjuk kepada keadaan jenayah. Jenayah Indeks kemudian dibahagi kepada dua kategori iaitu Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda.

Manakala Jenayah Bukan Indeks pula adalah kes-kes jenayah selain dari yang disebutkan di bawah kategori jenayah Indeks. Contoh kes ugutan jenayah, khianat, hasutan dan lain-lain. Kekerapan kejadiannya tidak boleh

dijadikan pengukur trend jenayah.

Statistik Jenayah Indeks seluruh negara pada tahun 2018 mencatatkan sebanyak 88,662 kes dan Jenayah Bukan Indeks pula mencatatkan sebanyak 66,094 kes. Pada tahun 2019 Jenayah Indeks mencatatkan 83,475 kes dan Jenayah Bukan Indeks pula 67,938 kes. Bagi tempoh Januari sehingga Jun 2020 pula Jenayah Indeks mencatatkan sebanyak 25,816 kes dan Jenayah Bukan Indeks 33,737 kes. Pecahan Statistik Jenayah Indeks dan Jenayah Bukan Indeks mengikut negeri bagi tahun 2018 sehingga Mei 2020 adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI	TAHUN 2018		TAHUN 2019		TAHUN 2020 (JAN-MEI)	
		JENAYAH INDEKS	BUKAN INDEKS	JENAYAH INDEKS	BUKAN INDEKS	JENAYAH INDEKS	BUKAN INDEKS
1	JOHOR	10,338	11,886	9,870	11,412	3,242	5,050
2	KEDAH	6,221	3,996	5,615	3,676	1,702	2,089
3	KELANTAN	3,987	3,300	3,546	2,459	1,043	1,312
4	KUALA LUMPUR	12,127	7,907	11,178	7,859	3,279	3,488
5	MELAKA	2,800	1,505	2,561	1,682	745	1,228
6	NEGERI SEMBILAN	3,673	3,755	3,332	2,685	855	1,242
7	PAHANG	3,584	2,883	3,272	3,270	953	1,559
8	PERAK	5,128	3,774	4,911	4,185	1,418	2,131
9	PERLIS	563	635	527	750	147	387
10	PULAU PINANG	5,017	3,530	5,220	4,184	1,436	1,840
11	SABAH	6,151	5,383	5,744	5,908	1,696	2,838
12	SARAWAK	5,830	4,725	6,023	4,374	2,657	3,262
13	SELANGOR	21,420	11,642	19,806	14,200	5,931	6,360
14	TERENGGANU	1,823	1,173	1,870	1,294	712	951
	JUMLAH	88,662	66,094	83,475	67,938	25,816	33,737

Untuk makluman Yang Berhormat, persempadanan polis tidak sama dengan persempadanan parlimen dan daerah umumnya. Pihak polis merekodkan statistik laporan yang diterima berdasarkan daerah dan negeri sahaja. Maka dengan itu, statistik mengikut parlimen tidak dapat diberikan.